

Jalan seliaan JKR Kedah

KEMENTERIAN Kerjaya ingin merujuk kepada aduan bertajuk 'Jalan Perlu Dinaikkan Taraf' oleh Penduduk Jati, Pendang, Kedah dalam ruangan akhbar ini 7 Februari, lalu.

Untuk makluman, kementerian sudah menjalankan siasatan di lokasi. Jalan itu ialah jalan negeri, K151, iaitu jalan dari Pendang ke Sungai Tiang, daerah Pendang, Kedah.

Untuk makluman pengadu, kementerian hanya bertanggungjawab ke atas Jalan Persekutuan. Bagaimanapun, kementerian sudah memaklumkan kepada JKR Kedah untuk tindakan lanjut. Sebarang pertanyaan, pengadu boleh menghubungi JKR Kedah untuk maklumat lebih terperinci.

**MOHD RIZAL
HASHIM,**

*Pegawai Perhubungan Awam
Kementerian Kerjaraya.*

Blk. 11/2/09 MS. 28